

Amalan dan Strategi Pemeraksanaan Sektor Pertanian Masyarakat Melayu Sri Aman, Sarawak

Mohd Daud Awang¹

Abstract

Sri Aman is a division of Sarawak where the majority of the population in this area is the Malay community (Chang Pat Foh: 1999). Currently the number of Malays in Sri Aman is approximately 20% of it's population. For them, agriculture is not only a sector of employment or economic resource but is also a traditional occupation for the Malay community of Sri Aman and they are famous for the cultivation of rice. Apart from paddy, oil palm and rubber are also important plants for Sri Aman communities. Sri Aman is also known for crops like citrus fruits, rambutan, corn and others. However, based on the observation done, that they are still using traditional methods in the agricultural activities. Besides that, researchers also found that the infrastructural development at the village level is very poor. This study has concluded that the agriculture activities cannot to be develop due to most of the cultivated land is in small scale with using traditional methods and facing the problem of limited financing capital.

Keywords - Agriculture Practice, Sri Aman, Traditional Agriculture, Agriculture

Abstrak

Sri Aman merupakan salah sebuah bahagian Sarawak yang majoriti penduduknya adalah bangsa Melayu (Chang Pat Foh: 1999). Namun begitu masyarakat Melayu hanya menguasai 20% daripada jumlah penduduk Sri Aman. Aktiviti pertanian merupakan pekerjaan tradisi yang masih lagi diwarisi oleh masyarakat Melayu Sri Aman terutamanya dengan tanaman padi. Selain daripada padi, tanaman kelapa sawit dan getah juga merupakan tanaman penting masyarakat Sri Aman kini. Sri Aman juga terkenal dengan hasil tanaman buah-buahan seperti limau, rambutan, jagung dan sebagainya. Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu Sri Aman masih menggunakan kaedah tradisional dalam aktiviti pertanian mereka. Di samping itu, pengkaji mendapati tahap pembangunan infrastruktur di kampung-kampung Melayu Sri Aman adalah di tahap yang kurang memuaskan. Kajian ini merumuskan aktiviti pertanian masyarakat Melayu tidak dapat dimajukan kerana ia dijalankan dalam bentuk pada skala kecil dan untuk sara diri sahaja di samping masalah kewangan yang terhad.

Kata Kunci – Amalan pertanian, Sri Aman, Pertanian Tradisional, Pertanian

¹ Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.

Pendahuluan

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa bumi Sarawak mempunyai potensi yang sangat besar dalam agenda pembangunan pertanian negara. Ini kerana Sarawak mempunyai kawasan tanah yang sangat luas dengan keluasan tanah 2.2 juta hektar. Justeru, penggunaan tanah bagi sektor pertanian mampu meningkatkan taraf ekonomi penduduknya. Pihak kerajaan juga telah mewujudkan pelbagai institusi pertanian di Sarawak bagi membantu usaha pembangunan sektor pertanian di Sarawak. Keluasan tanah yang dimiliki oleh negeri Sarawak mempunyai potensi besar dalam sektor pertanian dan telah menarik minat Jepun untuk meneroka pelaburan dalam industri halal berskala besar dalam sektor perladangan atau pertanian menerusi kerjasama Malaysia-Jepun sebagai satu cara memastikan keselamatan makanan (Utusan Sarawak, 27 Mei 2008). Bagi meningkatkan penanaman padi kerajaan telah menjadikan Sarawak sebagai Kedah kedua atau kawasan penanaman padi kedua negara. Kerajaan negeri telah meluluskan lebih daripada 10,000 hektar bagi sektor pertanian yang melibatkan kawasan di Tanjung Manis dan Mukah yang terletak di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) sebagai Halal Park dalam Rancangan Malaysia ke-Sembilan (Utusan Sarawak: 17 Mei 2008).

Dalam usaha membangunkan sektor pertanian Sarawak, pengkaji telah memilih Sri Aman sebagai lokasi kajian. Maka kajian ini, akan mengupas sejauh mana kesungguhan golongan petani Melayu Sri Aman mengambil peluang dan berperanan dalam menyumbang kepada sektor pertanian khususnya tanaman padi. Berdasarkan pemantauan pengkaji, Sri Aman berpotensi dimajukan dalam pertanian kerana mempunyai keluasan dan kesuburan tanah yang sangat sesuai bagi aktiviti pertanian. Justeru itu, pengkaji berusaha untuk melihat lebih dekat keadaan golongan petani Melayu di Sri Aman, serta mengkaji isu-isu pertanian mereka. Kertas kerja ini juga mengesyorkan beberapa cadangan hasil penemuan kajian ini bagi meningkatkan sektor pertanian Sarawak khususnya golongan petani Melayu di Sri Aman.

Sektor Pertanian di Bahagian Sri Aman, Sarawak

Pertanian merupakan sektor pekerjaan utama bagi masyarakat di Sri Aman. Tanaman padi merupakan pertanian utama dalam kalangan masyarakat di bahagian tersebut. Padi adalah tanaman utama manakala kelapa sawit merupakan tanaman kedua penting. Kini beberapa kawasan tanaman getah yang telah dikenalpasti tidak diusahakan akan digantikan dengan kelapa sawit. Namun begitu tanaman getah tetap diusahakan di beberapa kawasan lain seperti Batu Lintang, Seduku dan Sengelau.

Selain padi, kelapa sawit dan getah, masyarakat di Sri Aman juga ada yang mengusahakan tanaman buah-buahan seperti buah rambutan dan limau. Masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang banyak mengusahakan tanaman rambutan manakala tanaman limau menjadi tanaman tradisi masyarakat Melayu, di samping tanaman kelapa. Oleh itu, kajian ini membuktikan betapa pentingnya pertanian bagi masyarakat Sri Aman.

Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji mendapati bahawa sektor pertanian di Sri Aman sangat kurang mendapat bantuan dan akhirnya aktiviti pertanian menjadi sangat kurang berkesan. Hal ini adalah disebabkan mereka masih menggunakan kaedah secara tradisional. Selain itu melalui pemantauan pengkaji juga mendapati bahawa pembangunan infrastruktur yang berada pada tahap yang sangat kurang memuaskan menjadi faktor penghalang perkembangan pertanian mereka.

Amalan Pertanian dalam Kalangan Petani Melayu di Sri Aman

Seramai 10 orang petani di Kampung Bakong telah ditemubual bagi mendapatkan pandangan dan maklumat mewakili golongan petani Melayu. Mereka yang ditemubual adalah berumur sekitar 30 tahun hingga 65 tahun dan hanya mendapat pendidikan rendah sahaja.

Sri Aman terkenal dengan sektor pertanian penanaman padi. Masyarakat Melayu Sarawak dalam sejarah memang terkenal dalam sektor pertanian tersebut. Sektor pertanian menjadi sumber ekonomi masyarakat Melayu dan tambahan pula kawasannya amat sesuai untuk kegiatan pertanian. Berdasarkan perancangan kerajaan yang terkini, sektor yang diberi tumpuan ialah sektor pertanian. Hal ini kerana sektor pertanian dijangka berkembang lebih tinggi apabila peningkatan kenaikan keluaran tanaman industri, pengeluaran makanan dan sumbangan daripada aktiviti pertanian baru. Oleh itu masyarakat Melayu di Sri Aman memerlukan pendedahan konsep pertanian yang baru dan bersepadu untuk membantu pembangunan pertanian lebih terancang tambahan pula terdapat individu yang memiliki tanah yang amat sesuai dan luas.

Hasil temubual dengan golongan petani menunjukkan bahawa pertanian padi yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Sarawak adalah secara sara diri atau pertanian keluarga sahaja. Ia melibatkan anak-anak mereka yang telah tamat persekolahan dan akan membantu kerja di sawah. Pertanian tersebut telah dijalankan secara tradisi sejak 20 hingga 40 tahun yang lalu di atas tanah yang dimiliki sendiri. Sebahagian daripada mereka ada yang hanya bertani di atas tanah milik ibu bapa mereka atau saudara mara. Keluasan tanah juga sangat terhad iaitu kebanyakannya hanya memiliki dua hingga lima ekar sahaja kecuali segelintir yang mempunyai tanah sekitar 10 ekar. Daripada keluasan tanah yang mereka usahakan

sebagai tanaman semusim tidak banyak pendapatan yang mereka peroleh adalah sekitar RM600.00 hingga RM1,500.00 sebulan. Pendapatan yang terhad bukan sahaja menjadi penghalang kepada usaha memajukan pertanian, malah keperluan pendidikan anak-anak juga tidak mencukupi. Pendapatan mereka hanya cukup bagi menampung keperluan asas dan kadang-kadang mereka akan turun ke sungai untuk mendapatkan sumber ikan atau lauk. Sebahagian petani menjalankan kerja sampingan seperti pemandu lori, kerja upah dan kerja pembalakan.

Kebanyakan responden yang ditemubual menyatakan bahawa mereka tidak mendapat bantuan modal dan peralatan pertanian. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa menjalankan pertanian dengan modal sendiri seperti pembelian racun dan baja. Tambahan lagi menjadi masalah kepada petani apabila harga racun meningkat dan situasi tersebut membebankan mereka. Masalah lain yang berlaku ialah keadaan saluran yang sedia ada sudah cukup lama dan tidak lagi berfungsi. Responden juga memberitahu bahawa mereka juga kurang mendapat khidmat nasihat, malah ada yang mengatakan bahawa lawatan kami ini sangat dihargai supaya masalah mereka dapat disuarakan kepada pihak yang berwajib.

Temubual tersebut juga telah mengenalpasti bentuk-bentuk bantuan yang sangat diperlukan seperti racun, baja, enjin bot, pagar kebun dan modal. Namun begitu racun dan baja merupakan dua keperluan bantuan yang banyak disuarakan oleh mereka. Ini menunjukkan bahawa pertanian yang dijalankan adalah secara sara diri. Selain itu, masalah yang dikenalpasti oleh pengkaji ialah keadaan jalan raya yang sangat daif dan keperluan segera terhadap pembaikan saluran untuk pertanian. Segelintir responden ada juga mengharapkan bantuan pemasaran produk pertanian mereka yang lebih sistematik. Menurut mereka, FAMA pernah memberikan sewaan murah untuk tapak niaga kepada mereka di bandar Sri Aman, namun strategi promosi yang kurang aktif menyebabkan keuntungan jualan tidak memberangsangkan.

Secara keseluruhan pengkaji melihat masalah petani bukan sahaja kepada keperluan bantuan kewangan tetapi golongan petani amat memerlukan bantuan kepakaran dan maklumat berkaitan bagi memajukan sektor pertanian. Oleh itu, pemberian bantuan kepada petani miskin perlu diberikan dalam bentuk yang sewajarnya agar mampu membangunkan sosio ekonomi mereka. Memandangkan bantuan kerajaan adalah terhad maka golongan korporat diseru supaya membantu masyarakat petani Sri Aman agar dapat memajukan sektor pertanian dan sosioekonomi mereka.

Peranan Jabatan Pertanian Sri Aman dalam Sektor Pertanian

Dalam kajian ini penulis telah membuat temubual dengan dua orang pegawai pertanian di Sri Aman iaitu Encik Tan Chiew Seng (Pembantu Pertanian G17, Pejabat Pertanian Bahagian Sri Aman), pada 29 November 2008 dan Encik Ramli Bin Mos (Pegawai Pertanian, Pejabat Daerah Sri Aman). Menurut Encik Tan, pertanian utama di kalangan masyarakat di bahagian Sri Aman ialah tanaman padi. Kawasan-kawasan padi yang utama ialah Bijat, Lingga, Seduku dan Banting. Bantuan Kerajaan, Jabatan Saliran (JPS) memainkan peranan membantu petani dengan membuat saliran. Manakala selain padi, sawit juga merupakan tanaman penting tetapi sawit di sini ditanam di kawasan paya. Kebanyakan petani memiliki tanah sekitar dua hingga tiga hektar. Kerajaan ada menyediakan bantuan bahan-bahan tanaman seperti racun dan baja kepada petani. Menurut beliau, kerajaan juga menambahbaik infrastruktur seperti jalan dan jambatan. Selain padi dan sawit, tanaman getah juga diusahakan seperti di Batu Lintang, Seduku dan Sengelau. Manakala tanaman buah-buahan dijalankan secara komersil seperti buah rambutan di Sengelau, Siga, Tekalung yang diusahakan oleh masyarakat rumah panjang seluas 90 hektar. Rapok daerah Pantu terdapat 17 hektar tanaman rambutan yang mana buah tersebut diekspot ke Eropah dan Semenanjung Malaysia. Katanya lagi, suatu ketika dahulu FAMA ada memberi bantuan dengan memberikan ruang niaga kepada petani. Selain itu, FAMA juga membeli hasil rambutan mereka dengan harga yang baik seperti RM 1.40 sekilo. Jika keluasan kebun rambutan satu hektar sebanyak 123 pokok dapat ditanam dengan hasil 100 kilo sepokok ini sangat membantu petani. Selain rambutan terdapat durian yang mana merupakan tanaman tradisi. Tanaman sayuran juga dijalankan secara komersil. Mereka tanam sayuran dalam jejaring sebagai tanaman komersil. Di Lubuk Hantu, kira-kira terdapat 20 hingga 30 petani menjalankan pertanian sayuran. Terdapat bantuan baja, racun dan bahan untuk membuat jejaring diberikan. Bantuan latihan juga ada dijalankan di Pusat Latihan Sri Aman di Temudok.

Manakala dari aspek halangan, menurut Encik Tan antara halangan atau masalah dalam memajukan sektor pertanian ialah kekurangan staf dalam operasi perkhidmatan mereka kepada petani di mana Pejabat Pertanian Bahagian Sri Aman hanya terdapat 20 orang staf sedangkan kawasan yang perlu dipantau banyak. Manakala dari pihak petani pula katanya, kebanyakan golongan petani adalah yang berumur 40 tahun ke atas, manakala golongan muda lebih berminat bekerja di bandar atau tempat lain. Dari segi kemudahan moden ketiadaan jentera juga menyebabkan pihak jabatannya tidak dapat menyediakan kemudahan tersebut. Selain itu, keadaan jalan yang sudah rosak dan tidak ditambahbaik menyebabkan usaha membantu golongan petani terhalang dalam pembangunan tersebut.

Temubual kedua dibuat dengan Encik Ramli Mos yang mula bertugas di Sri Aman pada 2005, beliau memberitahu bahawa kebanyakan petani Melayu adalah

mengusahakan tanaman padi serta kebun buah-buahan secara kecil-kecilan. Menurut Encik Ramli Mos, aktiviti pertanian adalah sangat baik di Sri Aman kerana tanahnya ialah jenis tanah gambut hitam yang sangat sesuai dengan padi terutamanya di Kampung Lingga. Di samping itu, penduduk juga menjalankan aktiviti nelayan. Kampung Stumbin, Kampung Bakong, Kampung Melayu Tanjung Bijat dan Kampung Baur selain daripada tanaman padi mereka juga ada mengusahakan tanaman getah dan buah-buahan. Penduduk Melayu biasanya memiliki tanah sekitar tiga hingga lima ekar dengan penanaman utama ialah padi. Menurut Encik Ramli sehingga kini ada bantuan baja kepada penduduk. Terbaru adalah dicadangkan untuk penanaman sawit. Kerajaan telah meluluskan satu kawasan dengan penanaman sawit. Keluasan tanah untuk tanaman tersebut di Lingga dengan 200 hektar, Bakong dengan 150 hektar dan Stumbin dengan 100 hektar. Menurut Encik Ramli, halangan petani ialah seperti kawasan yang luas kurang infrastruktur pertanian seperti tali air banyak perlu dibaiki dan ditambah saluran air untuk dua musim dan cuaca panas. Selain pertanian, petani juga menjalankan aktiviti ke laut sebagai nelayan. Di samping itu ada yang berminat dengan projek ikan keli telah dibantu oleh Jabatan Pertanian Sri Aman bagi mendapat bantuan tertentu.

Menurut Encik Ramli Mos lagi, dalam perkembangan terbaru kerajaan bercadang untuk menjadikan Sri Aman *Green Area* bagi tanaman padi. Selain itu kerajaan juga telah membuka satu projek tanaman sawit di Lingga bagi setiap keluarga yang akan diagihkan kepada penduduk dengan 10 ekar seorang peserta dengan melibatkan 100 peserta. Cadangan kawasan tersebut ialah kawasan tadahan air yang telah digunakan. Ini adalah usaha positif kerajaan bagi memajukan sektor pertanian di Sarawak khususnya di Sri Aman.

Analisa Soal Selidik Kajian terhadap Amalan Pertanian Masyarakat Melayu Sarawak di Sri Aman

Latar Belakang Responden

Dalam kajian ini seramai 122 orang responden telah berjaya diambil data mereka. Daripada maklumat tersebut, pengkaji akan membincangkan tiga aspek latar belakang iaitu pembahagian kampung, umur, dan juga pendapatan. Manakala aspek kedua ialah isu berkaitan dengan pertanian iaitu jenis tanaman yang diusahakan dan keluasan tanah. Data tersebut akan menjawab gambaran sebenar apa yang berlaku dalam kehidupan mereka dan kaitannya dengan cabaran dalam aktiviti pertanian.

Kampung	Peratus (%)
Kampung Bakong	20.5
Kampung Lingga	40.2
Kampung Sekait	1.6
Kampung Hilir Sri Aman	4.9
Kampung Tengah Sri Aman	1.6
Lain-lain	31.1

Jadual 1: Pembahagian Kampung Responden

Umur	Peratus (%)
Bawah 20 tahun	0.8
21-30 tahun	4.9
31-40 tahun	10.7
41-50 tahun	47.5
51 tahun ke atas	32.8
Tiada kenyataan	3.3

Jadual 2: Pembahagian Umur Responden

Pendapatan Bulanan	Peratus (%)
Bawah RM300	59
RM301-RM700	28.7
RM1001-RM1500	4.1
Tiada kenyataan	8.2

Jadual 3: Pembahagian Pendapatan Bulanan sebagai Petani Responden


Berdasarkan kepada jadual-jadual di atas, responden yang teramai ialah daripada Kampung Lingga dan Kampung Bakong di mana masing-masing dengan 40% dan 20% dan lain-lain sekitar 2-5% sahaja. Manakala 38% yang dicatatkan tanpa nama kampung ialah kebanyakannya mereka yang tinggal di bandar tetapi berasal daripada kampung-kampung tersebut. Data menunjukkan bahawa lebih daripada 70% responden berumur lebih 41 tahun. Ini disebabkan ramai daripada golongan muda telah berhijrah ke bandar seperti Kuching, Bintulu, Sibu dan Miri. Ini adalah kerana golongan muda tidak berminat dan yakin dengan pekerjaan pertanian. Bagi pengkaji amalan kaedah tradisional merupakan faktor kenapa golongan muda lebih suka bekerja di bandar daripada menjadi petani.

Bagi Jadual 3, menunjukkan 59% responden berpendapatan di bawah RM300.00 dan 28.7% pula berpendapatan antara RM300.00 - RM700.00. Jelaslah bahawa kedudukan ekonomi golongan petani ini berada di tahap kemiskinan dan kemiskinan tegar. Kebanyakan petani juga apabila ditanya dengan penggunaan teknologi


mereka sering mengatakan ketidakmampuan untuk memilikinya. Walaupun ada bantuan jentera suatu ketika dahulu tetapi apabila telah rosak jentera tersebut sudah tidak dapat digunakan lagi kerana tidak mampu untuk dibaiki. Hal ini, menjadikan tahap ekonomi mereka tidak dapat mengubah cara hidup mereka. Justeru itu, usaha bantuan yang lebih konsisten perlu dilakukan terhadap golongan petani Sri Aman.

Analisis Aktiviti Pertanian

Setelah membincangkan latar belakang responden, pengkaji akan memaparkan dua perkara penting berkaitan aktiviti pertanian masyarakat Melayu Sri Aman iaitu jenis tanaman yang diusahakan dan juga keluasan tanah yang diusahakan oleh mereka.



Carta 1: Pembahagian Jenis Tanaman yang Diusahakan oleh Responden



Carta 2: Pembahagian Keluasan Tanah Milik Responden

Berdasarkan maklumat Carta 1 dan 2 yang dipaparkan menunjukkan bahawa kebanyakan masyarakat Melayu Sarawak adalah terlibat dengan penanaman padi. Sebahagian mereka mengusahakan secara kecil-kecilan tanaman getah dan kelapa sawit. Manakala kelapa, nenas, dan buah-buahan merupakan tanaman sampingan. Penanaman padi kebanyakannya diusahakan oleh golongan petani untuk sara sendiri. Sebahagian kecil petani menjalankan tanaman padi secara pajakan daripada tanah orang lain. Kaedah pertanian sara diri golongan petani tidak dapat memberikan pendapatan yang baik kepada mereka. Ini disebabkan teknik tradisional yang mereka jalankan hanya secara kecil-kecilan sahaja.

Tanaman kelapa merupakan tanaman rancangan yang diberikan oleh kerajaan suatu ketika dahulu tetapi tanaman tersebut tidak lagi diusahakan. Oleh kerana produk berasaskan kelapa seperti santan kurang mendapat sambutan masyarakat Melayu Sarawak maka tanaman ini dikurangkan dalam pasaran mereka dan harganya juga tidak banyak membawa keuntungan. Tetapi bagi pengkaji jika projek kelapa tersebut diusahakan dengan tujuan komersial yang terancang ia tidak sepatutnya terhenti kerana hasil tanaman tersebut boleh diekspot ke Semenanjung Malaysia yang mana harga kelapa adalah sangat baik.

Selain isu tanaman yang agak kurang memuaskan, isu pemilikan tanah juga dilihat menjadi penghalang kepada pembangunan pertanian di Sri Aman. Data menunjukkan bahawa 22.1% petani hanya mempunyai dua ekar, 30.3% dengan 1.5 ekar dan 13.1% dengan pemilikan satu ekar sahaja. Ini menunjukkan bahawa lebih 60% petani hanya memiliki tanah dua ekar ke bawah. Hal ini, menyebabkan pertanian tidak dapat dijalankan secara komersial. Pengkaji melihat tanah yang terdapat di Sri Aman adalah masih banyak tetapi kemungkinan kaedah tradisional dalam pertanian menyebabkan mereka merasa cukup dengan keluasan tanah yang sedia ada. Namun terdapat juga yang mengatakan mereka telah memohon tanah tertentu tetapi tidak berjaya. Jika dilihat keluasan tanah yang terdapat di Sri Aman, pengkaji berpendapat bahawa keluasan tanah di sana masih luas dan belum dibangunkan.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji berpendapat bahawa jika sistem moden tidak digunakan dalam sektor pertanian maka ia tidak dapat dibangunkan dengan baik. Masalah lain yang dapat dirumuskan oleh pengkaji bahawa kesedaran golongan petani untuk memiliki tanah yang lebih luas tidak menjadi keutamaan mereka dan mereka selesa dengan keadaan yang sedia ada. Oleh itu, kerajaan perlu membantu golongan petani bukan sahaja bantuan pertanian tetapi perancangan pembangunan pertanian yang lebih menyeluruh perlu diberikan serta berdaya maju.

Strategi Pemerksaan Sektor Pertanian dalam Kalangan Masyarakat Melayu Sri Aman

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pengkaji melihat tahap kesedaran responden atau golongan petani tentang penting teknologi pertanian moden mula disuarakan tetapi mereka tidak mempunyai modal untuk memiliki teknologi tersebut. Petani juga telah menunjukkan kesungguhan untuk mendapatkan bantuan modal atau pinjaman bagi tujuan pertanian. Ini menunjukkan sikap ingin membuat perubahan amalan pertanian daripada kaedah tradisional kepada pertanian moden telah mula disedari oleh mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan bagi membantu golongan petani seperti berikut:

Pertama: Penubuhan sebuah koperasi¹ yang dibentuk khusus bagi pembangunan pertanian yang diletakan di bawah selian kerajaan negeri. Koperasi tersebut tidak boleh diserahkan pengurusannya 100% kepada wakil penduduk. Pentadbiran dan perundangan yang mantap perlu dikaji dahulu supaya tidak berlaku penyelewengan. Idea penubuhan koperasi ini nanti hendaklah bermatlamatkan kepada pemerksaan sektor pertanian. Usaha pemerksaan hendaklah melalui pendekatan tranformasi kepada pembangunan pertanian moden bagi menggantikan teknik tradisional yang diamalkan kini.

Kedua : Badan kewangan Islam boleh memainkan peranan bagi menyediakan modal kepada golongan petani Sri Aman. Ini adalah kerana kebanyakan mereka adalah golongan miskin yang tergolong dalam Asnaf Lapan Penerima Zakat (Mohd Daud Awang et. al : 2009; Mohd Daud Awang: 2011) Justeru itu, Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) boleh memperkenalkan program bantuan modal pertanian khas kepada golongan petani Muslim Sri Aman. Bantuan tersebut bukan bantuan sara hidup tetapi merupakan bantuan pembangunan pertanian secara khusus. Ini sesuai dengan peranan zakat sebagai instrumen pembangunan ekonomi yang mampu berperanan bukan sahaja daripada aspek agihan sara hidup tetapi memberi nafas baru kepada golongan petani miskin dalam sektor pertanian secara terancang. Hal ini bertepatan dengan maksud al-Quran dan Hadis Nabi S.A.W yang menjelaskan kepentingan pembangunan pertanian sebagai sumber kehidupan manusia sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

¹ Menurut kajian yang bertajuk "Pembangunan Ekonomi Tani" menyatakan bahawa permulaan gerakan koperasi desa dalam tahun 1925 direncanakan untuk menanamkan kepada kaum tani kebaikan berjimat cermat dan kemuliaan bekerja dengan tulang empat kerat kerana semua ini dianggap tidak ada pada kaum tani itu. Lihat Afifuddin Hj. Omar 1986, Pembangunan Ekonomi Tani, Kuala Lumpur: DBP, hlm. 104-105. Afifuddin telah mengkritik Hall yang mendakwa orang Melayu sebagai "pemalas". Beliau juga menyatakan semangat usaha orang Melayu yang berjuang bagi meningkatkan sektor pertanian sehingga bertambahnya gerakan koperasi tetapi malangnya orang Melayu dikatakan mempunyai sifat boros yang agak serius. Hal ini menyebabkan ketidakmampuan mereka untuk membayar bayaran cukai dan bayaran bunga hutang. Beliau juga menjelaskan wujudnya hubungan yang tidak cekap di antara jabatan koperasi dan jabatan pertanian. Selain itu, faktor yang menghalang kemajuan ekonomi pertanian Melayu ialah monopoli badan perniagaan Cina yang kuat Lihat *ibid*, hlm. 105-106.

"Bumi ini diletakkan Allah untuk umat manusia, di dalamnya penuh dengan buah-buahan dan kurma yang mempunyai kelopak-kelopak, biji-bijian yang mempunyai kulit dan berbau harum. Maka Nikmat Tuhanmu yang manakah yang kamu dustakan?"

Manakala Hadis pula seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Umar, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda dan mafhumnya: (Al-Shaukani: t.th)

"Tanaman yang telah diairi langsung oleh air hujan, harus dikeluarkan zakatnya 10% sedangkan apabila diairi dengan peralatan harus dikeluarkan separuh daripada 10% atau 5%"

Ketiga : Sektor korporat boleh memainkan peranan sebagai agen pelabur dalam pembangunan pertanian. Penglibatan sektor korporat ini berkonsepkan *win-win situation* yang mana ia dapat direalisasikan kepada golongan petani melalui penglibatan ahli korporat dalam pelaburan sektor pertanian negara. Usaha ini boleh mengubah persepsi dan pemikiran generasi muda Sri Aman terhadap bidang pertanian yang selama ini dianggap tidak berpotensi kepada bidang yang berpotensi dan berdaya maju. Strategi ini juga dapat merealisasikan konsep keusahawanan pertanian maju dalam kalangan masyarakat Sarawak yang kaya dengan keluasan tanah serta sesuai bagi membangunkan sektor pertanian negara.

Kesimpulan

Pertanian merupakan sumber pendapatan utama masyarakat Melayu di Sri Aman. Kebanyakan petani mempunyai tanah yang subur serta sesuai bagi sektor pertanian. Namun kaedah tradisional yang digunakan dalam sektor pertanian adalah faktor utama yang menyebabkan hasil tanaman tidak memberangsangkan serta menyebabkan tahap sosioekonomi yang daif. Analisa kajian menunjukkan bahawa golongan petani lebih fokus kepada teknik penanaman tradisional dan sara diri. Hal ini juga dapat dibuktikan melalui data yang menunjukkan pemilikan tanah pertanian oleh golongan petani yang berskala kecil sejak dari dahulu lagi. Di samping itu, mereka juga tidak melihat kepentingan penggunaan teknologi dalam amalan pertanian. Kebanyakan petani lebih fokus kepada masalah ketiadaan baja dan racun sahaja dan bukannya modal sebagai asas kepada kemajuan pertanian. Selain itu, golongan petani juga menghadapi masalah berkaitan tiadanya usaha dan bantuan pembaikan sistem saliran yang rosak dan ini menyebabkan tanah mereka tidak mendapat sistem pengairan yang baik. Malah apa yang menyedihkan ialah terdapat sebilangan besar petani yang tiada maklumat bagi mendapatkan bantuan sama ada melalui pihak kerajaan ataupun swasta. Dalam hal ini pihak berwajib perlu memainkan peranan yang lebih proaktif bagi memastikan penyebaran maklumat berkaitan bantuan lebih berkesan dan sampai kepada golongan yang memerlukan. Justeru, kajian ini mencadangkan

strategi modal dan teknologi moden perlu diberi keutamaan dalam menjayakan pemerkasaan pembangunan sektor pertanian negara sesuai dengan hasrat kerajaan yang ingin melihat sektor pertanian sebagai suatu bidang keusahawan maju menjelang 2020.

Rujukan

Al-Quran, Pimpinan Al-Rahman, JAKIM

Afifuddin Hj. Omar (1986), *Pembangunan Ekonomi Tani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka

AgroMalaysia (2008), *Pertanian Adalah Perniagaan*

Al-Shaukani (t.th), *Nil Al-Autar*, Jilid 4, Kaherah: Dar Al-Hadis

Chang Pat Foh, (1999), *Legends & History Sarawak*, Kuching: Lee Ming Press

Jabatan Perangkaan Negeri Sarawak 2002

Jabatan Statistik 2007

Memori Skuad 69 PDRM Sarawak 2006, Kuala Lumpur: Imega Print

Mohd Daud Awang, Amiruldin Md. Sham, Mohd Hafiz Abdul Wahab, Shahida Shamimi & Asjad Mohamed (2009), *Peranan Zakat dalam Pembangunan Pertanian: Kajian Awal di Sri Aman*, Prosiding Seminar Ekonomi Islam Anjuran USIM. 15 – 16 Julai 2009

Mohd Daud Awang, Mohd Hadzrul bin Masnin, Bidin Chee Kifi & Ahmad Nasir Mohd Yusoff (2011), *Penglibatan Golongan Melayu Miskin dalam Sektor Pertanian: Kajian terhadap Masyarakat Melayu di Sri Aman Sarawak*, Prosiding Seminar INCoH2011 di Park Royal Pulau Pinang anjuran USM, pada 14-16 jun 2011

Utusan Sarawak, 17 Mei 2008:1, "*Hub Halal Tanjung Manis Dalam TM Ke- 9*"

Utusan Borneo, 8 Mac 2008: 4. "*Industri Sawit Sumbang RM 1 Bilion Tingkat Mutu Hidup Pekerja Ladang*"

Utusan Sarawak, 27 Mei 2008:5, "*Kerjasama Pertanian Malaysia-Jepun Penting Bagi Pastikan Keselamatan Makanan*"

Utusan Sarawak, 11 Disember 2009:7, "*Projek Penanaman Sawit Ubah Taraf Hidup Penduduk Sri Aman*"